



## **1.0 PENDAHULUAN**

Adalah menjadi pegangan MRSM dalam falsafah pendidikannya bahawa setiap individu mempunyai potensi untuk berkembang maju dan berjaya jika mendapat bimbingan yang betul dan kemudahan-kemudahan yang sempurna. Selaras dengan falsafah penubuhan dan sistem pendidikannya, MRSM merancang dan cuba melaksanakan kegiatan kurikulumnya berdasarkan pendekatan-pendekatan yang lebih dinamik dengan memberikan penekanan yang seimbang kepada empat bidang utama kurikulum MRSM iaitu:-


- Program Pelajaran
- Program Kokurikulum
- Program Bimbingan
- Program Kemudahan Fizikal

Sebagai Penjelasan, Rajah 1 akan menerangkan dengan lebih lanjut mengenai peranan yang dimainkan oleh Program Bimbingan dalam konteks kurikulum di MRSM.

## **2.0 PERANAN HOMEROOM**

Program Homeroom sebagai teras kepada sistem pendidikan MRSM adalah untuk mendidik pelajar menjadi matang dan menjadi manusia lengkap untuk menghadapi cabaran masa depan. Proses pembelajaran pelajar semasa menjadi pelajar MRSM adalah seperti ditunjukkan oleh gambarajah berikut :

**UNIT PEMBANGUNAN HOMEROOM  
MRSM ARAU 2021**



*Gambarajah 1. Homeroom sebagai teras pendidikan di MRSM.*

### **3.0 PROGRAM HOMEROOM**

Pembelajaran merupakan pengalaman yang menyenangkan jika para pelajar adalah individu-individu yang bersenang hati serta telah menyesuaikan diri dengan baik. Di dalam keadaan begini, bilik-bilik darjah merupakan makmal-makmal sebenar di mana para pelajar merancang dan belajar. Belajar bersama-sama yang dilakukan oleh anak-anak muda ini boleh menjadi satu keseronokan dan mewujudkan satu keadaan yang memberangsangkan seterusnya meningkatkan usahanya untuk terus berusaha mencapai tujuan mereka. Ini boleh direalisasikan jika para pelajar lebih memahami diri mereka sendiri. Salah satu cara berkesan untuk mendapatkan kefahaman ini ialah melalui penggunaan waktu Homeroom.

### **4.0 APAKAH DIA HOMEROOM?**

Homeroom ialah satu subdivisi pendidikan sekolah yang penting di dalam sebuah corak pentadbiran yang diselaraskan dengan baik. Ia merupakan satu unit yang terdiri daripada sekumpulan pelajar di bawah seorang guru penasihat di mana mereka terikat dengan hubungan persahabatan dan kefahaman. Ia melalui aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk mengembangkan keperibadian setiap ahli serta meningkatkan hubungan sosialnya dengan rakan sebayanya.

Homeroom merupakan satu tempat yang sesuai untuk membincangkan masalah-masalah sekolah, rumah dan hidup. Perkembangannya pula tidak terhad kepada keempat-empat dinding bilik darjah itu tetapi merentasi apa jua pun situasi yang mungkin digemari ahli itu. Di sini, setiap pelajar dikenali secara rapat sebagai seorang manusia kerana perkara pokok unit ini ialah mengenai ahli-ahlinya yang merupakan seorang individu dari segi perkembangan peribadi dan sebagai ahli di dalam kelas dari segi perhubungan diantara satu dengan yang lain serta dengan masyarakat secara umumnya.

Suasana informal dan permisif yang ditimbulkan oleh perhubungan yang menyenangkan di antara penasihat dan ahli semasa mesyuarat Homeroom memberikan para pelajar perasaan bebas daripada ketegangan yang mungkin mereka alami semasa bergerak dari satu waktu subjek ke subjek yang lain. Pertalian di antara ahli-ahli dengan penasihat mereka, yang juga guru mereka, memberi peluang untuk mereka saling kenal mengenali serta faham memahami di antara satu dengan yang lain. Dengan kefahaman yang wujud di antara

## **UNIT PEMBANGUNAN HOMEROOM MRSM ARAU 2021**

mereka, sikap berpura-puraan dihiris dan perhubungan pelajar-guru menjadi lebih rapat seperti mana hubungan sesebuah keluarga. Hasilnya, penasihat menjadi seakan-akan ayah atau ibu; manakala ahli-ahlinya pula seakan-akan adik-beradik di dalam keluarganya.

### **5.0 APAKAH FUNGSI HOMEROOM?**

Para pendidik kebanyakannya berpendapat bahawa fungsi-fungsi Homeroom adalah seperti berikut:

1. Untuk mendapatkan maklumat tentang setiap pelajar.

Maklumat-maklumat penting yang dikumpulkan melalui autografi-autobiografi rekod-rekod anekdot (anecdote), skala-skala pemeringkatan personality, senarai semak – senarai semak masalah, sosiogram-sosiogram, temuduga-temuduga, keputusan ujian psaiologi dan akhir sekali, pertemuan dengan ibubapa serta bekas guru-guru dapat memberikan data yang mungkin dapat memberikan gambaran sebenar seseorang pelajar.

2. Untuk mendapatkan maklumat tentang setiap pelajar.

Setelah penasihat mendapatkan maklumat yang cukup tentang setiap pelajar, langkah seterusnya ialah untuk beliau membantu pelajar mengenali diri mereka sendiri, segala sifat-sifat yang sama-sama membentuk potensinya dan juga batas keupayaannya ataupun perkara kecil di dalamnya yang menjadi penghalang kemajuannya. Pelajar perlu memahami juga keadaan sekelilingnya, kerana seseorang individu, dimana dia berada pada masa-masa yang berlainan dan bagaimana keadaan hubungan-hubungannya di rumah, sekolah dan masyarakat. Dengan fahaman yang sebegitu, pelajar boleh dipandu untuk menyelesaikan masalah-masalahnya sendiri dan membuat penyesuaian yang akan membawanya kearah pencapaian potensinya yang maksima untuk kebahagiaannya sendiri dan untuk kebajikan masyarakat.

3. Untuk memupuk prinsip-prinsip dan tabiat kewarganegaraan yang baik.

Negara kita mengharapkan agar sekolah dapat melanjutkan usaha-usaha menjaga kepentingannya melalui perkembangan para pelajar. Waktu Homeroom yang diadakan sekali seminggu menawarkan peluang untuk aktiviti-aktiviti sesuai dan mencabar yang akan membina peribadi serta hubungan kemanusiaan anak-anak muda ini.

4. Untuk menangani dengan cekap berbagai-bagai aktiviti pentadbiran yang rutin.

Memandangkan unit ini merupakan unit pentadbiran, program Homeroom hendaklah mempunyai fungsi-fungsi pentadbiran yang tertentu. Dari masa ke semasa peraturan sekolah yang baru akan digubal dan pengumuman maklumat perlu disebar. Semua iniboleh dilakukan jika tanggungjawab diberi kepada pegawai serta ahli-ahli organisasi Homeroom.

5. Untuk sentiasa membuat susulan ke atas pertumbuhan setiap pelajar di dalam semua lapangan perkembangannya hingga ke akhirnya agar beliau dapat membentuk sikap yang baik terhadap dirinya, terhadap masyarakat di mana dia berada dan terhadap dunia pada keseluruhannya.

## **UNIT PEMBANGUNAN HOMEROOM**

### **MRSM ARAU 2021**

#### **6.0 APAKAH DIA KOMITI AKTIVITI HOMEROOM?**

Dengan bertujuan untuk mencapai kesemua fungsi-fungsi yang tersebut di atas, sebuah Komiti Aktiviti Homeroom akan dibentuk dan akan terdiri daripada wakil-wakil penasihat Homeroom untuk setiap peringkat umur dan juga Kaunselor. Komiti ini akan merangka program Homeroom yang bersepadu dengan menekankan kesesuaiannya bagi setiap peringkat umur dan perlu dirancang setahun awal untuk pengagihan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan serta tajuk-tajuk yang akan dibincang, tertakluk kepada persetujuan Pengetua. Pengerusi komiti ini hendaklah terdiri daripada Majlis Pelajar.

Salah satu daripada tugas-tugas komiti ini adlaah untuk memupuk sikap yang positif terhadap Homeroom di kalangan guru, pelajar dan ibubapa jika boleh. Apabila ini telah tercapai, tujuan seterusnya adalah untuk mendidik para pelajar mengenai objektif-obektif Homeroom serta skop fungsi-fungsi dan aktiviti-aktivitinya. Ini boleh dilakukan semasa kelas Homeroom itu sendiri.

Komiti Aktiviti Homeroom akan menjadi sumber idea-idea untuk bahan dan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan di dalam Homeroom.

Akhirnya, adakah menjadi tugas komiti untuk menilai aktiviti-aktiviti, kaedah-kaedah, bahan-bahan dan hasil kelas-kelas Homeroom. Waktu Homeroom merupakan waktu pembelajaran, jadi program perlu berteraskan pendidikan seberapa boleh. Dengan itu, satu program penilaian ke atas aspek-aspek Homeroom yang berlainan perlu dibentuk dengan nilai tahap pencapaiannya didasarkan kepada objektif-objektif Homeroom. Unit pengukuran akan dipersetujui oleh ahli-ahli komiti dan berasaskan kepada criteria-kriteria ini, komiti boleh mengiktiraf Homeroom-Homeroom yang luar biasa prestasinya kerana program-program telah dijalankan selama setahun.

#### **7.0 APAKAH PERANAN PENASIHAT HOMEROOM?**

Homeroom merupakan kediaman dan keluarga kecil di dalam sekolah. Ia adalah satu tempat kecil di mana keramahan berleluasa, perasaan adik-beradik di antara lelaki dan perempuan diterima dan cirri-ciri tidak formal ketara sekali. Seperti kediaman yang sebenar, perasaan kasih sayang akan berpanjangan, hormat kepada ibubapa serta di antara satu dengan yang lain perlu wujud dan perasaan bebas untuk melakukan perkara-perkara yang baik dan munasabah akan dirasai. Para pelajar mahupun lelaki atau perempuan akan merasa bebas untuk melakukan serta menyatakan perkara-perkara berpatutan yang ada kaitan dengan kebajikan kebanyakan daripada mereka dan juga merasa bebas daripada belunggu yang dirasai yang mungkin terkumpul akibat dariapda kerja-kerja rumah yang rumit dan hubungan social di antara mereka dengan sebahagian guru-guru subjek berasingan. Di sinilah tempat mereka akan menyedari bahawa anak-anak muda yang lain itu mempunyai masalah peribadi ataupun sosial ataupun kebimbangan yang serupa dengan mereka. Di waktu Homeroomlah pelajar akan mempelajari bahawa jalan penyelesaian dapat ditemui secara tidak langsung ataupun penyesuaian diri boleh dibuat tanpa mengakibatkan atau memalukan atau memisahkan sesiapa. Ke arah tujuan inilah program Homeroom perlu dikendalikan dan aktiviti-aktivitinya digubalkan agar satu keadaan yang menyenangkan serta penuh dengan kebaikan dapat dibentuk dan diteruskan. Hanya dengan cara inilah, hubungan diantara pelajar dengan penasihat, pelajar dengan pelajar dan antara Homeroom akan menjadi mesra dan seakan keluarga.

**UNIT PEMBANGUNAN HOMEROOM**  
**MRSM ARAU 2021**

Penasihat Homeroom yang berperanan untuk menstrukturkan satu situasi yang dapat menyokong perkembangan hubungan yang sahih dan sihat di dalam Homeroom mempunyai banyak tanggungjawab di mana apabila dijalankan dengan baik akan membawa kepada kejayaan mencapai matlamat yang utama.

Tanggungjawab tersebut adalah seperti berikut:

1. Mendidik ahli-ahli Homeroom merupakan matlamat dan objektif utama rancangan Homeroom.

Penasihat Homeroom yang telah melalui proses orientasi mengenai tujuan, fungsi, kaedah dan bahan Homeroom akan berusaha sedaya upaya untuk membentuk sikap yang positif di kalangan ahli-ahli terhadap Homeroom dengan cara meningkatkan kefahaman mereka terhadap tujuan-tujuan serta manfaat-manfaat yang boleh diperolehi darinya. Bercakap mengenainya dengan cara informal sepertimana seorang ayah atau ibu bercakap dengan anak-anaknya, memberitahu mereka apa yang seharusnya diharapkan dan apa yang tidak harus diharapkan.

- i. Para pelajar perlu memahami bahawa waktu Homeroom bukanlah seperti waktu subjek-subjek mereka yang lain di mana mereka perlu membuat persediaan untuk pelajaran, tugas-tugas yang perlu dibuat di rumah serta gred yang akan diterima pada akhir semester. Homeroom adalah sesuatu yang berlainan sama sekali. Ia menjadi waktu kepunyaan pelajar dan menjadi giliran mereka untuk mengendalikannya, bukan guru. Mereka boleh memilih aktiviti yang akan dijalankan berdasarkan rangka cadangan-cadangan yang disediakan oleh pihak Komiti Aktiviti Homeroom. Homeroom itu akan menjadi organisasi mereka sendiri dan tanggungjawab mereka ialah untuk menjayakannya.
- ii. Penasihat Homeroom akan hadir sekali bukan untuk menegur kesilapan pelajar tetapi untuk membantu dan kemudian dibantu. Setipa orang boleh belajar dan mengajar di antara satu dengan yang lain. Ia akan menjadi seperti di rumah di mana ibubapa dan anak-anak berkerjasama untuk kebahagiaan keluarga secara keseluruhannya. Organisasi Homeroom bersandar ke atas perpaduan keluarga di sekolah-sekolah.

2. Membantu di dalam pembentukan sebuah organisasi yang berfungsi dengan baik.

Pada peringkat permulaan, setelah penasihat memperkenalkan objektif-objektif dan tujuan-tujuan Homeroom kepada para pelajar, mereka boleh diserai tentang kepentingan membentuk satu organisasi yang akan berfungsi di dalam cara yang dapat membantu mereka capai objektif yang telah ditetapkan. Mereka, sebagai ahli-ahli adalah bertanggungjawab untuk memilih jawatankuasa-jawatankuasa dan ketua-ketua organisasi: yang terbaik antara mereka dari segi kepimpinan, inisiatif, dan kerajinan. Mereka akan mengenalpasti sifat-sifat yang diperlukan dibuat oleh anak-anak muda itu. Banyak perkara yang boleh dibuat oleh pemimpin-pemimpin muda ini jika mereka yakin terhadap diri mereka sendiri dan jika mereka mendapat sokongan moral daripada penasihat mereka.

3. Membimbing AJK-AJK dan ahli-ahli di dalam pengendalian aktiviti-aktiviti dan program program yang berlainan di dalam Homeroom.

## **UNIT PEMBANGUNAN HOMEROOM**

### **MRSM ARAU 2021**

Penasihat Homeroom perlu membuat AJK-AJK dan ahli-ahli sedar tentang kepentingan persediaan terlitu yang perlu dibuat sebelum menjalankan aktiviti-aktiviti dan program-program Homeroom. Sehubungan itu, beliau perlu menyediakan sesi orientasi mengenai berbagai-bagai fasa yang berkaitan dengan persediaan program untuk mereka.

Penjadualan adalah satu perkara yang penting dan perlu. Ia bukanlah tugas sebenar ataupun di antara fungsi-fungsi ahli Homeroom, kerana penjadualan sudahpun dirangkakan oleh Komiti Aktiviti Homeroom setahun awal untuk memungkinan penambahan bahan-bahan yang baik dan sesuai apabila ia muncul pada masa-masa yang tidak diduga, tapi cukup tegas untuk mengelakkan rancangan-rancangan mengejut dan terkejar-kejar.

Tiga jenis bahan-bahan program Homeroom yang dijadualkan untuk penekanan yang seimbang adalah seperti berikut:

#### **i. Aktiviti Bermusim**

Bahan-bahan jenis ini merujuk kepada peringatan kepada acara-acara penting atau musim, seperti Hari Kebangsaan, Hari Kanak-Kanak, Hari Angkatan Tentera, Hari Buruh, Hari Wanita, Hari Guru dan sebagainya.

#### **ii. Aktiviti Bimbingan.**

Jenis ini pula merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk membantu pelajar mengenali diri mereka dan juga persekitaran mereka hingga mencapai tahap kesedaran yang tinggi mengenai perkembangan peribadi, akademik dan sosial mereka. Ini juga meliputi program-program kemasyarakatan.

#### **iii. Aktiviti Bebas.**

Aktiviti-aktiviti jenis ini memberi peluang kepada tiap-tiap Homeroom untuk membentuk program-programnya sendiri berdasarkan kepada objektif-objektif Homeroom. Ahli-ahli membuat keputusan mengenai apa yang ingin dilakukan pada hari-hari berkenaan dan mereka mengendalikan rancangan mereka secara berdikari. Mereka boleh memilih, misalnya, untuk menjemput seseorang yang berkemahiran atau berpengetahuan untuk memberikan ceramah mengenai topik-topik tertentu; untuk mengadakan jamuan; untuk mengambil tahu dan mencuba peradaban sosial dan sebagainya.

## **8.0 PRINSIP-PRINSIP ORGANISASI PROGRAM HOMEROOM**

1. Pengalaman pembelajaran disusun menurut topik dan menurut psikologi. Aktiviti-aktiviti dijadualkan secara tertentu agar kemajuannya adalah selaras dengan penyesuaian pelajar terhadap alam persekolahan mereka dan corak organisasi adalah untuk semua peringkat pelajar MRSM.
2. Penempatan waktu Homeroom di dalam jadual waktu harian adalah bebas, bergantung kepada kesukaan guru-guru Homeroom dan ahli-ahlinya. Ia boleh dijadualkan dalam waktu pertama sebelah pagi ataupun petang. Ia boleh juga diletak di waktu terakhir petang. Walau bagaimanapun perlu ditegaskan bahawa setiap Homeroom akan berjumpa pada waktu yang sama, perlu seminggu. Ini menunjukkan fungsi perjumpaan Homeroom.

**UNIT PEMBANGUNAN HOMEROOM**  
**MRSM ARAU 2021**

3. berdasarkan kepada prinsip merancang dan memilih pengalaman pembelajaran, pelajar harus diberi peluang mengalami perlakuan yang terdapat di dalam objektif dan pengalaman itu hendaklah yang menyeronokkan kepada pelajar. Pendekatan Homeroom dipandukan kearah kepentingan pelajar. Ia distrukturkan untuk memungkinan pelajar belajar melalui pengalaman. Dalam keadaan di mana pelajar tidak dapat mengalaminya, pelajar diberi situasi-situasi imaginasi untuk menyelesaikan masalah melalui perbincangan bebas. Tujuannya ialah untuk membantu pelajar menyelesaikan masalah kehidupan, daripada yang memerlukan penyesuaian hidup yang mudah kepada situasi yang lebih rumit.
4. Melalui semua pengalaman pembelajaran, elemen yang penting ialah tujuan arah sendiri serta penyesuaian hidup. Penasihat Homeroom hanya berada di latar belakang untuk memberi sokongan moral dan bimbingan. Aktiviti-aktiviti mungkin diperkenalkan oleh penasihat, tetapi pengendalian sebenar dibuat oleh pelajar hingga ke tahap pelajar dapat membentuk falsafah hidup yang teguh – barulah objektif utama program Homeroom telah tercapai. Sebahagian daripada aktiviti-aktiviti itu boleh diterap daripada sumber-sumber kehidupan masyarakat, lalu mengaitkan bahan-bahan kepada keperluan kehidupan sebenar.
5. Memandangkan kandungan subjek Homeroom tidak hanya melibatkan perolehan ilmu tetapi juga perubahan dalam tingkah laku; penilaian ke atas kemajuan boleh didasarkan kepada kriteria-kriteria luaran seperti pemerhatian terhadap tingkah laku yang menonjol dan penggunaan alat-alat ukuran psaiologi; bukan ujian-ujian fakta. Perubahan kelakuan adalah sebahagian daripada proses pertumbuhan yang sepatutnya berterusan di dalam kehidupan.

**9.0 AKTIVITI HOMEROOM**

- a. Perbincangan pelbagai isu.
- b. Aktiviti-aktiviti terancang
- c. Lawatan sambil belajar
- d. Melaksanakan projek-projek tertentu.
- e. Sukan / permainan.
- f. Jamuan dan sebagainya.

**UNIT PEMBANGUNAN HOMEROOM**  
**MRSM ARAU 2021**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN HOMEROOM**

Penasihat	: Pengetua
Pengerusi	: Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar
Timbalan Pengerusi I	: Timbalan Pengetua Kecemerlangan Akademik
Timbalan Pengerusi II	: Timbalan Pengetua Pembangunan Bakat
Penyelaras	: Pn Mazuin binti Derahim
Setiausaha	: Pn. Nuraini binti Mohd Zaini
Penyelaras Hr Tingkatan 1	: Pn. Noraini binti Ghazali
Penyelaras Hr Tingkatan 2	: Pn. Siti Musfirah binti Mustafa
Penyelaras Hr Tingkatan 3	: Pn. Siti Aisyah binti Hashim
Penyelaras Hr Tingkatan 4	: Pn Mutiah binti Murusalim
Penyelaras Hr Tingkatan 5	: En. Nurhakimi Bin Mat@Ahmad
AJK Tugas-tugas Khas	: En. Mohd. Nizar Nadzmi bin Abd. Rahim
AJK Merit Demerit	: En. Nurhairy Bin Mazlan
Kaunselor	: En. Mohamad Azizi Bin Rosli

**PENASIHAT HOMEROOM TINGKATAN 1**

Bil	Nama homeroom	Nama Penasihat
1	Adventurous	Mohd Helmi Bin Othman
2	Ambitious	Nur Anis Nadhirah Binti Zeinuddin
3	Benevolent	Saliza Binti Said
4	Brilliant	Nurhairy Shafzan Bin Mazlan
5	Charismatic	Noor Laila Binti Sulaiman
6	Creative	Nuramirah Binti Abd Majid
7	Diligent	Guru Matematik Y
8	Dynamic	Ahmad Aiman Bin Harum
9	Efficient	Zainul Akramin Bin Mahmood
10	Energetic	Nurulain Binti Norhaide

**PENASIHAT HOMEROOM TINGKATAN 2**

Bil	Nama homeroom	Nama Penasihat
1	Adventurous	Azlina Bt Abdul Wahab
2	Ambitious	Mohamad Yusop Bin Busrara
3	Benevolent	Izyan Kamilah Binti Ahmad
4	Brilliant	Azanor Azha Bin Abdul Halim
5	Charismatic	Rujita Bt Abd Samad
6	Creative	Syed Zuhair Bin Syed Hassan
7	Diligent	Rozizan Bin Ramli
8	Dynamic	Mohd Hafiz Bin Mohd Lahun
9	Efficient	Siti Hajar Bt Ali
10	Energetic	Mutiah Bt Murusalim



**UNIT PEMBANGUNAN HOMEROOM**  
**MRSM ARAU 2021**

**PENASIHAT HOMEROOM TINGKATAN 3**

<b>Bil</b>	<b>Nama Homeroom</b>	<b>Nama Penasihat</b>
1	Adventurous	Romaine Bt Mohd Anuar
2	Ambitious	Farahanim Binti Zahri
3	Benevolent	Nurhazwan Bt Mohd Zain
4	Brilliant	Nur Fariza Bt Mat Ali
5	Charismatic	Nurul Hannah Bt Muhammad Rafi
6	Creative	Noraini Bt Ghazali
7	Diligent	Hanim Haryani Bt Mohamad
8	Dynamic	Saidah Nasra Bt Salleh
9	Efficient	Azhar Bin Jasni
10	Energetic	Mazuin Bin Derahim
11	Fantastic	Mohd Nizar Nadzmi Bin Abd Rahim
12	Futuristic	Siti Marliah Bt Mohd Haris

**PENASIHAT HOMEROOM TINGKATAN 4**

<b>Bil</b>	<b>Nama homeroom</b>	<b>Nama Penasihat</b>
1	Adventurous	Mohamad Sofian Bin Haji Hussain
2	Ambitious	Muhammad Nur Saiful Bin Ghazali
3	Benevolent	Zairizal B Hashim
4	Brilliant	Nur Sakinah Bt Amir Hakim
5	Charismatic	Ah-Luqman Al-Hakim Bin Che Zahari
6	Creative	Siti Aisyah Bt Hashim
7	Diligent	Mohamad Adnan Bin Zaroei
8	Dynamic	Nur Intan Syafinas Binti Hussein
9	Efficient	Mohamad Faizal Bin Abd Rahman
10	Energetic	Siti Farah Aini Bt Ibrahim
11	Fantastic	Nurhakimi Bin Mat@Ahmad
12	Futuristic	Siti Musfirah Bt Mustafa

**PENASIHAT HOMEROOM TINGKATAN 5**

<b>Bil</b>	<b>Nama homeroom</b>	<b>Nama Penasihat</b>
1	Adventurous	Nazri Bin Ismail
2	Ambitious	Haslimi Bin Hassan
3	Benevolent	Fathuddin Riyadz Bin Mohd Yusoff
4	Brilliant	Marliana Bt Halim
5	Charismatic	Azhar Bin Jasni
6	Creative	Zaharin Bt Othman
7	Diligent	Nor Zainisham Bt Muhd Zain

## **UNIT PEMBANGUNAN HOMEROOM**

### **MRSM ARAU 2021**

8	Dynamic	Nor Syakila Bt Abdullah
9	Efficient	Shafizi bin mohamad zahari
10	Energetic	Rosmayani bt abdul rahman
11	Fantastic	Siti zainab bt che hat
12	Futuristic	Nur shuhada bt jusoh

# **SISTEM MERIT DEMERIT HOMEROOM**

Sistem Merit Demerit Homeroom MRSM Pasir Tumbuh merupakan sebuah kesinambungan pertandingan daripada program/aktiviti anjuran Unit Pembangunan Homeroom. Penilaian bagi pemenang homeroom terbaik dijalankan berdasarkan skema yang telah ditetapkan oleh Unit Pembangunan Homeroom maktab (UPHR). Antara objektif utama pertandingan antara homeroom adalah untuk:

- a) Menggalakkan setiap homeroom aktif dengan pelbagai aktiviti.
- b) Mendisiplinkan pelajar dalam pelbagai aspek.
- c) Menggalakkan peningkatan prestasi akademik secara berterusan.
- d) Menjadi sebuah institusi pendidikan yang menyediakan suasana kekeluargaan yang utuh antara guru, staf dan pelajar.

Setiap homeroom akan diberikan markah permulaan sebanyak 500 markah dan penilaian akan bermula pada bulan Januari sehingga September. Penganugerahan Homeroom mengikut kategori yang akan diadakan pada Majlis Anugerah Homeroom. Proses penambahbaikan untuk pertandingan ini dijalankan dari semasa ke semasa untuk memastikan perkara ini berjalan dengan lancar dan dapat dihayati oleh setiap homeroom.

SEPINTAS LALU MENJELANG  
MAJLIS ANUGERAH HOMEROOM  
MRSM ARAU



<b>BIL.</b>	<b>KATEGORI ANUGERAH</b>	<b>HADIAH</b>
<b>1</b>	<p><b>PENGURUSAN FAIL HOMEROOM TERBAIK (SETIAP TINGKATAN)</b></p> <p>Anugerah ini diberikan kepada homeroom yang berjaya memuatkan maklumat homeroom dengan lengkap di dalam fail homeroom mengikut isi kandungan fail serta mempunyai pertemuan tambahan.</p>	<p><b>WANG TUNAI RM 80 PLAK CENDERAMATA &amp; SIJIL</b></p>
<b>2</b>	<p><b>GAMBAR HOMEROOM TERBAIK (SETIAP TINGKATAN)</b></p> <p>Anugerah ini diberikan kepada homeroom yang berjaya memaparkan gambar aktiviti setiap kali pertemuan homeroom berlangsung secara rasmi atau pertemuan tambahan. Gambar dikumpulkan dalam 2 muka surat secara kreatif, mempunyai tarikh dan masa pertemuan rasmi dan pertemuan tambahan. Maksimum gambar setiap pertemuan hanya 2 keping sahaja. Koleksi Gambar Homeroom perlu diemail kepada Penyelaras Homeroom Tingkatan masing-masing.</p>	<p><b>WANG TUNAI RM 80 PLAK CENDERAMATA &amp; SIJIL</b></p>
<b>3</b>	<p><b>PENCAPAIAN AKADEMIK HOMEROOM TERBAIK (SETIAP TINGKATAN)</b></p> <p>Anugerah ini dikhususkan kepada homeroom yang mendapat pencapaian cemerlang dalam Peperiksaan Semester 2, 2020 dan Semester 1, 2021 bagi tingkatan 2,3 dan 5 serta Semester 1, 2021 bagi tingkatan 1 dan 4.</p>	<p><b>WANG TUNAI RM 80 PLAK CENDERAMATA &amp; SIJIL</b></p>

<b>4</b>	<p><b>PENCAPAIAN KOKURIKULUM HOMEROOM TERBAIK (SETIAP TINGKATAN)</b></p> <p>Anugerah ini dikhususkan kepada homeroom yang aktif melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum sama ada di dalam maktab atau di luar maktab. Pemilihan anugerah ini berdasarkan pengisian merit dalam sistem E-guru untuk aktiviti kokurikulum.</p>	<p><b>WANG TUNAI RM 80 PLAK CENDERAMATA &amp; SIJIL</b></p>
<b>5</b>	<p><b>HOMEROOM TERBAIK (SETIAP TINGKATAN)</b></p> <p>Anugerah ini dikhususkan kepada homeroom yang aktif dalam semua lapangan (kokurikulum, keusahawanan, khidmat masyarakat dan segala aktiviti yang dianjurkan oleh UPHR) dan mendapat purata markah terkumpul bulanan tertinggi.</p>	<p><b>WANG TUNAI RM 100 PLAK CENDERAMATA &amp; SIJIL</b></p>
<b>6</b>	<p><b>PENASIHAT HOMEROOM TERBAIK</b></p> <p>Anugerah ini diberikan kepada penasihat homeroom yang sentiasa memberikan kerjasama dalam semua aktiviti homeroom di samping dapat membimbing anak-anak homeroom dalam pelbagai aspek kehidupan dengan memberikan pendekatan 'hands on' kepada mereka untuk dijadikan pengalaman hidup yang bermakna.</p>	<p><b>PLAK CENDERAMATA &amp; SIJIL</b></p>
<b>7</b>	<p><b>ANUGERAH KHAS HOMEROOM GEMILANG</b></p> <p>Anugerah ini diberikan kepada homeroom yang berjaya memberi sumbangan khidmat bakti yang istimewa dan tersendiri berbanding homeroom sedia ada seperti khidmat masyarakat/ mendapatkan dana/ mendapatkan kelengkapan fasiliti dalam membangunkan MRSM Arau @ Unit Pembangunan Homeroom (UPHR).</p>	<p><b>WANG TUNAI RM 100 PLAK CENDERAMATA &amp; SIJIL</b></p>



## **KPI TAHUNAN HOMEROOM**

-  PNG homeroom 3.50 ( menengah rendah) 3.30 (menengah atas)
-  Peratus kedatangan ahli homeroom setiap kali perjumpaan wajib 100%
-  Lima orang ahli homeroom/lebih mewakili maktab dalam kokurikulum
-  Mengumpul mata merit sekurang-kurangnya 5000 mata merit
-  Mengadakan sekurang-kurangnya satu kali lawatan luar maktab & aktiviti khidmat masyarakat
-  Mengadakan sekurang-kurangnya satu kali lawatan ke rumah guru homeroom
-  Mengadakan dua kali jamuan/ lebih dalam tempoh setahun